

17 DEC 1998

MAHATHIR-MODAL/I

M'SIA MASIH TARIK MODAL ASING, KATA MAHATHIR

Oleh: Muin Abdul Majid

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan modal asing masih mengalir masuk ke Malaysia meskipun pelaksanaan kawalan matawang dan modal oleh kerajaan baru-baru ini.

Beliau berkata Malaysia tidak mempunyai masalah jika pelaburan asing mengalir semula ke negara-negara seperti Korea Selatan dan Thailand.

"Ia tidak memberi masalah kepada kami. Wang asing masih mengalir masuk bagi kapasiti produktif," katanya kepada sidang akhbar sebelum pulang ke tanahair selepas menghadiri Sidang Kemuncak Keenam yang tamat di sini semalam.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada perkembangan itu akan membuatkan beliau memikirkan semula untuk mengkaji langkah kawalan modal tersebut.

"Sepanjang pengetahuan kami, kami masih belum yakin bahawa jika kami melonggarkan semula, perkara yang sama yang berlaku sebelum ini tidak akan berlaku semula seperti jualan singkat yang menurunkan harga saham dan yang perkara-perkara lain," katanya.

Beliau berkata pelaburan dalam pasaran saham telah merosot hanya kerana pemegang amanah dana tidak membenarkan mereka melabur di mana-mana negara yang mengawal aliran modal.

Dr Mahathir berkata: "Kami telah berbincang dengan mereka. Mereka berminat untuk melabur di Malaysia tetapi kerana keadaan itu, mereka tidak boleh (melabur)..maksud saya keadaan itu lebih memihak kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, mereka (pemegang amanah dana) tidak membenarkan pelabur mereka sendiri untuk melabur di Malaysia.

Beliau juga berkata Malaysia masih boleh mencapai sasaran pertumbuhan satu peratus tahun depan.

"Tahun ini, penguncupan boleh sampai enam peratus atau lebih tetapi kami merasakan kami masih boleh mencapai sasaran pertumbuhan satu peratus tahun depan," katanya.

Terdahulu kerajaan menganggarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini menguncup sebanyak 4.8 peratus.

Bagaimanapun, Perdana Menteri hari ini berkata angka terbaru menunjukkan penguncupan itu mungkin akan lebih lebar berikutan kesan cubaan untuk mengamalkan gaya dasar amalan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) oleh beberapa pihak berkuasa kewangan dalam kerajaan sebelum ini yang membawa kepada kesan buruk berpanjangan terhadap ekonomi.

Akibatnya, sukar bagi ekonomi untuk pulih, katanya.

Berhubung rancangan Jepun untuk meluaskan penggunaan yen dalam pertukaran di peringkat antarabangsa, Dr Mahathir berkata ia adalah sejajar dengan pemikiran Malaysia bahawa sepatutnya terdapat lebih daripada satu matawang untuk menetapkan ringgit.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab kepada soalan mengenai sama ada Malaysia bersetuju dengan rancangan untuk menjadikan yen sebagai matawang antarabangsa.

Apabila ditanya apakah perkara itu bermakna menimbangkan kemudahan mendapatkan yen, Dr Mahathir berkata matawang Jepun itu memang tidak diragui senang diperolehi tetapi ia tidak digunakan sebagai matawang bagi penyelesaian hutang, antara lainnya.

"Ketika ini, 70 peratus daripada perdagangan kami dikendalikan dalam

dolar Amerika," katanya.

Mengenai kemungkinan menubuhkan Sistem Kadar Pertukaran dan Matawang Asean, beliau berkata beberapa perbincangan sedang diadakan.

"Bagaimanapun ia akan mengambil masa yang lama (untuk pembentukan)," katanya.

Bagaimanapun, ia adalah satu idea yang sepatutnya dikaji terutama pembentukan Unit Matawang Asean (ACU) yang akhirnya akan berkembang menjadi matawang Asean.

-- BERNAMA

MAM ZK OS